

**DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

PENGGAL YANG KEDUA

KERTAS PEMBERITAHU

HARI RABU, 27 HARIBULAN APRIL, 1960

PERTANYAAN² BUKAN BAGI JAWAB MULUT

- 1. Enche' V. David:** Minta kepada Perdana Menteri menerangkan berapa buah motor-car² yang di-beli untuk kegunaan VIP semasa mereka menghadiri Persidangan ECAFE di-Kuala Lumpur telah di-jual sa-mula dan berapa buah di-antara-nya yang telah di-beli oleh keluarga² Menteri² dan berapa-kah harga tiap² satu itu di-jual.
- 2. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Kenderaan menerangkan ada-kah Kerajaan memberi bantuan dalam hal kewangan Malayan Airways.
- 3. Enche' V. David:** Minta kapada Perdana Menteri menerangkan berapa-kah bilangan anak Tanah Melayu yang berijazah yang berkhidmat di-dalam Khidmatan Kereta Api dan berapa-kah bilangan pegawai dagang yang berkhidmat di-dalam khidmatan itu juga.